

# Golnsuran lancar kedai online

Dengan kerjasama Shopee, ia memudahkan pelanggan membeli baucar eksklusif GoInsuran

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM


GoInsuran telah mencuebi perniagaan e-dagang dengan melancarkan kedai rasmi dalam talian (*online*), kerjasama bersama Shopee.

Dengan kerjasama itu, pengguna di Malaysia boleh mem-

beli baucar eksklusif GoInsuran *online* dan lebih daripada 24,000 baucar tersedia di Shopee mulai Mac lalu.

Pengarah Urusan Tan Chong Insurance Business Stream, Joshua Yong berkeyakinan kerjasama antara GoInsuran sebagai salah satu platform digital terkemuka di Malaysia dan Shopee membolehkan kedua-duanya meraih pasaran pelanggan yang lebih luas.

“Produk semasa hanyalah permulaan bagi GoInsuran. Kami berusaha merancang untuk menawarkan banyak produk dan perkhidmatan yang menarik serta sedia untuk dilancarkan dalam masa terdekat,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



Yong berkata, kerjasama itu dijangka membawa pertumbuhan digital strategik baharu yang bakal meningkatkan industri e-dagang Malaysia dalam ekonomi digital.

Sementara itu, Ketua Kempen Pemasaran Shopee Malaysia, Kenneth Soh berkata, Shopee teruja untuk mengalaukan GoInsuran, salah satu platform digital yang dipercayai oleh rakyat Malaysia di Shopee.

“Pelanggan dialu-alukan untuk membeli produk dan per-

khidmatan GoInsuran dengan tawaran yang menarik buat masa ini. Kami akan sentiasa bekerjasama untuk mengukuhkan hubungan antara Shopee dan GoInsuran,” katanya.

Layari [www.shopee.com.my/goinsuran\\_os](http://www.shopee.com.my/goinsuran_os) untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan terkini GoInsuran.

Sebagai alternatif, muat turun aplikasi Shopee secara percuma di Apple App Store dan Google Play Store.

GoInsuran dicipta oleh anak

syarikat milik penuh Tan Chong Motor Holding Sdn Bhd (TCMH) pada Disember 2020 untuk memudahkan pengguna jalan raya memperbaharui insurans kereta dan cukai jalan dalam talian.

Dilengkapi dengan teknologi terkini untuk memberikan pengalaman mudah dan lancar kepada pelanggan, daripada mendapatkan sebut harga secara percuma sehingga membuat pembayaran melalui pelbagai kaedah secara *online*.

Platform itu membolehkan pelanggan membandingkan harga insurans kenderaan dari syarikat-syarikat insurans terkemuka di Malaysia sekali gus dengan serta-merta dan memastikan pelanggan diberi pelbagai pilihan membeli insurans.

## Malaysia antara pasaran utama mata wang kripto global

**KUALA LUMPUR** - Platform mata wang kripto global, Luno telah memperoleh lebih 10 juta pelanggan merentasi 40 negara dan Malaysia adalah antara pasaran terkuatnya kerana 12 peratus daripada pelanggan baharunya sejak enam bulan lalu berpangkalan di negara ini.

Pengurus negara Luno Malaysia, Aaron Tang berkata, secara purata rakyat Malaysia mendepositkan RM100 apabila mereka membuka akaun dan cenderung untuk menyimpannya secara purata selama lapan bulan.

“Sebelum ini 32 peratus daripada pelanggan baharunya membeli Bitcoin, manakala 23 peratus membeli Ethereum,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau menyatakan bahawa bilangan pengguna wanita di Malaysia telah berkembang lebih tujuh kali ganda, meningkat daripada 16,000 pada 2020 kepada lebih 120,000 pada 2021.

Dalam tempoh enam bulan lalu, Luno telah memperoleh satu juta pelanggan baharunya dan asas pelanggannya telah meningkat sebanyak 35 peratus tahun ke tahun.



Kebanyakan pelanggan Malaysia mendepositkan RM100 apabila mereka membuka akaun dan cenderung simpan selama lapan bulan.

Jelusnya lagi, setakat 11 Mac lalu, purata masa pegangan untuk pengguna Luno adalah lebih daripada tujuh bulan dan pengguna di Afrika Selatan iaitu pasaran paling aktif syarikat, mempunyai masa pegangan paling lama pada purata 10 bulan.

Sementara itu, dalam tempoh 12 bulan lalu, pengguna Singapura mempunyai nilai tertinggi deposit pertama pada AS\$76 (AS\$1 = RM4.23), berbanding Nigeria, antara pasaran terbesar Luno yang merekodkan purata deposit pertama sebanyak AS\$10. (RM42.297)

Sejak dilancarkan pada 2013, Luno telah membolehkan lebih AS\$52 bilion mata wang kripto

diurus niaga dengan selamat dan pelanggannya telah menyimpan melebihi AS\$1 bilion.

“Luno menyasarkan untuk membawa kripto kepada lebih satu bilion orang menjelang tahun 2030 dan terdapat permintaan luar biasa untuk mata wang kripto di kebanyakan pasaran sedang pesat membangun.

“Tahun lalu, Luno mengembangkan asas pelanggannya di Indonesia sebanyak 83 peratus, selain menyediakan kepada satu juta lagi rakyat Afrika Selatan akses untuk mata wang kripto buat kali pertama,” tambahnya. -Bernama

## Projek ECRL capai kemajuan 28.57 peratus -MRL



**KOTA BHARU** - Kerja-kerja pembinaan cerucuk, tanah, jambatan dan terowong bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah mencapai kemajuan keseluruhan sebanyak 28.57 peratus se-takat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, peratusan itu merangkumi kerja-kerja pembinaan di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Katanya, secara keseluruhan projek ECRL sepanjang 665 kilometer (km) berjalan baik dan berada di landasan yang tepat untuk siap sepenuhnya pada Disember 2026.

“Secara keseluruhan, kita tidak hadapi banyak masalah. Alhamdulillah, banyak isu telah diselesaikan dengan kerjasama yang baik daripada semua pihak khususnya kerajaan negeri yang terlibat.

“Bagi Kelantan, jajaran ECRL ialah 43.86 km, kemajuan kerja-kerja infrastruktur sudah mencapai 21.58 peratus.

“Proses pengambilan tanah untuk jajaran utama telah selesai sepenuhnya,” katanya kepada pemberita ketika Majlis Berbuka

Puasa Bersama Pengamal Media, pada Selasa.

Mengulas lanjut, Darwis berkata, kerja-kerja pembinaan Terowong Genting sepanjang 16.39 km dari Pahang ke Selangor akan bermula bulan depan.

“Proses pengorekan Terowong Genting membabitkan 10 km di Pahang dan enam kilometer (km) berjalan baik dan berada di landasan yang tepat untuk siap sepenuhnya pada Disember 2026.

“Secara keseluruhan, kita tidak hadapi banyak masalah.

Alhamdulillah, banyak isu telah diselesaikan dengan kerjasama yang baik daripada semua pihak khususnya kerajaan negeri yang terlibat.

Darwis berkata, projek ECRL bakal mewujudkan sistem pengangkutan lebih baik di pantai timur yang dijangka mula beroperasi pada Januari 2027.

“Setiap perjalanan membabitkan enam gerak dan mampu memuatkan seramai 440 penumpang. Sasaran penumpang ialah 5.6 juta setahun.

“Harga tiket belum diputuskan. Ia bergantung kepada kerajaan,” jelas beliau. -Bernama